

27 SEP 2003

Mahathir-Langkawi

PEMILIK PERAHU LAYAR BERMINAT DENGAN LANGKAWI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Jackson Sawatan

MONACO, 27 Sept (Bernama) -- Para pemilik bot mewah yang menyertai Pertunjukan Perahu Layar Monaco 2003 telah menunjukkan minat mereka untuk datang ke Malaysia dan lihat sendiri kemudahan untuk perahu layar yang terdapat di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya ada saya berjumpa dengan beberapa daripada pemilik perahu layar dan mereka ingin datang ke Malaysia untuk melihat sendiri kemudahan di negara kita."

"Ramai juga yang datang pada majlis pelancaran Pendaftaran Perahu Layar Langkawi semalam adalah daripada kalangan wartawan majalah mengenai kapal mewah. Mereka memberi pengakuan akan membantu memberi publisiti mengenai Malaysia dan pendaftaran itu," kata beliau kepada wartawan Malaysia di akhir lawatan dua hari ke Monaco.

Beliau berkata, perahu layar yang didaftarkan di Langkawi akan membawa bendera Malaysia dan juga nama Langkawi tertera di atas perahu itu dan ini akan membantu mempopularkan Malaysia dan industri pelancongannya.

"Seperti yang anda dapat lihat di Mediterranean terdapat banyak perahu-perahu milik golongan kaya. Sebab mengapa negara-negara menyambut baik pertunjukan seperti Pertunjukan Bot Mewah Monaco ialah kerana ia banyak membantu industri pelancongan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, bukanlah menjadi niat Malaysia untuk mencari keuntungan daripada pendaftaran perahu layar itu di Langkawi.

"Tujuan kita ialah mempromosi Malaysia dan Langkawi. Semua perahu layar yang didaftarkan di Langkawi akan membawa bendera kita dan itu sendiri promosi bagi Langkawi," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, terdapat rancangan untuk mempromosi Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) di kalangan masyarakat pencinta perahu layar supaya lebih banyak perahu layar yang besar dapat datang ke negara.

Ditanya sama ada Langkawi satu hari nanti akan menjadi destinasi terkemuka bagi masyarakat pencinta perahu layar seperti Monte Carlo di Monaco, Dr Mahathir berkata, "ya ia seperti Monte Carlo, tanpa kasino."

Selepas persidangan berita Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali meneruskan lawatan mereka di hari terakhir Pertunjukan Perahu Layar Monaco 2003 yang berlangsung selama lima hari.

Mereka kemudian ke Lapangan Terbang Nice, di Perancis, pada sebelah tengah hari di mana mereka menaiki pesawat khas untuk pulang.

Turut berada di Lapangan Terbang Nice untuk mengucapkan selamat jalan ialah Duta Malaysia ke Perancis Tunku Datuk Nazihah Tunku Mohamed Ros dan Atase Pertahanan kedutaan itu, Kapt Musa Omar.

-- BERNAMA

JS HK PR